

31 MAR 1996

Gerakan-pemilihan

TIADA PERSAINGAN DIJANGKA PADA PEMILIHAN JAWATAN TERTINGGI GERAKAN

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Presiden parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menolak kemungkinan persaingan sengit dalam perebutan jawatan-jawatan tertinggi parti pada pemilihan yang akan diadakan tahun ini.

"Saya yakin mereka (para pemimpin tertinggi) akan mencapai tolak ansur seperti yang berlaku sebelum ini," kata beliau pada persidangan berita di ibu pejabat Gerakan yang baru di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) di Jalan Pudu Ulu di sini hari ini.

Dr Lim sebelum itu mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) parti, yang pertama di bangunan baru setinggi 14 tingkat itu.

Beliau berkata bahawa beliau menjangkakan tidak banyak masalah pada pemilihan kali ini kerana "Gerakan ialah sebuah parti yang berdisiplin dan bersatu.

"Sungguhpun menurut prinsip-prinsip demokratik, sesiapaupun boleh bertanding, perbincangan dan tolak ansur pada peringkat pemimpin tertinggi adalah lebih baik," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa hanya anggota parti yang telah membayar yuran mereka serta tidak pernah melanggar disiplin parti sahaja yang boleh bertanding pada pemilihan itu.

Pemilihan parti Gerakan akan dijalankan secara serentak dengan persidangan perwakilan peringkat kebangsaan pada 14 Sept di Dewan Wawasan, Menara PGRM. Mesyuarat itu, yang akan dihadiri kira-kira 1,500 delegasi, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Lim bagaimanapun berkata mungkin terdapat beberapa perubahan kepada kepimpinan peringkat negeri.

Beliau berkata 1,346 pengerusi cawangan akan menerima senarai keanggotaan cawangan masing-masing yang disahkan dari ibu pejabat pada hari Ahad.

Beliau berkata pemilihan peringkat cawangan akan diselesaikan menjelang hujung Mei ini bagi membolehkan pemilihan peringkat bahagian dijalankan pada bulan Jun. Ini akan diikuti oleh pemilihan peringkat negeri pada Julai dan Ogos.

Dr Lim berkata ibu pejabat parti akan dirasmikan pada 25 Mei dan diikuti satu majlis makan malam yang akan dihadiri Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional dan para pemimpin parti-parti komponen BN. -- Bernama.

ES MZ AHH